

Senario Pilihanraya Separuh penggal Amerika Syarikat di UUM
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 04 Oktober 2010 17:08


Kepada: UUM - All Staff, UUM All Students

4 OKTOBER 2010 / 25 SYAWAL 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Muhamad Shamsul Shafei



Senario Pilihanraya Separuh penggal Amerika Syarikat di UUM

UUM ONLINE: Pilihanraya separuh penggal Amerika Syarikat pada 2 November ini akan menguji penguasaan pemerintahan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama dari Parti Demokrat negara itu.

Walaupun pelantikan Presiden Amerika Syarikat ini dilakukan lima tahun sekali namun setiap dua tahun sekali negara ini akan menghadapi pilihanraya senat bagi memilih satu pertiga daripada 100 orang senator.

Senario ini berlainan dengan Malaysia yang mengadakan pilihanraya lima tahun sekali untuk melantik, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Prof Dr David Plotke dari New School University Amerika Syarikat yang mengadakan ceramah di Pusat Konvensyen Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, pemilihan senator dan kongres pada November ini akan menguji populariti Barack Obama.

Katanya kemungkinan ahli perniagaan akan beralih arah untuk memberi sokongan kepada Parti Republikan akibat kemerosotan ekonomi negara itu walaupun pelbagai tindakan dilakukan oleh pentadbiran beliau termasuk memperkenalkan skim kesihatan kepada rakyat negara itu.

"Ada juga kalangan yang berpendapat kemungkinan tidak lagi menyokong pemerintahan Obama ialah kerana kegagalan beliau untuk mengotakan janji untuk menarik balik anggota tentera dari Afghanistan," katanya kepada tenaga akademik dan pelajar di Pusat Konvensyen kampus ini pagi tadi.

Parti Republikan juga dilihat kemungkinan akan menguasai semula sekiranya berjaya meletakkan calon yang berwibawa bagi menentang calon parti Demokrat nanti.

Namun kesemua itu bergantung kepada kecekapan pemerintahan Obama dan pelbagai andaian boleh dilakukan sama ada Obama akan menang tipis atau sebaliknya pada 2015 dalam pilihanraya Presiden nanti.

Program ini adalah anjuran Kedutaan Amerika Syarikat dengan kerjasama UUM COLGIS.

Sementara itu Pensyarah kanan UUM Colgis Prof. Madya, Mohd Abdad Mohd Zain yang ditemui berkata, perbincangan dan soal jawab yang dikemukakan oleh tenaga akademik dan pelajar di kampus ini menunjukkan minat mereka untuk mengetahui senario politik negara itu.

"Program seperti ini terutama dengan pembabitkan kedutaan Amerika Syarikat memberi suntikan baru kepada pelajar agar mereka dapat mendengar sendiri perkembangan pemerintahan negara di dunia ini selain daripada mendengar kuliah sahaja,"ujarnya.

Beliau berkata, cadangan akan dikemukakan agar lebih banyak pakar dan tenaga akademik dari luar negara seperti China dan Eropah baru, Asia Tengah akan dijemput bagi berkongsi maklumat dengan tenaga akademik di kampus ini.

Dalam pada itu, salah seorang peserta yang ditemui Kemas Hafiez Irsyad, 23, berkata program seperti ini dapat meningkatkan percambahan minda mereka daripada sumber yang tepat.

"Saya berharap lebih banyak program seperti ini dapat dirancang agar pelajar berpeluang untuk berdialog dan berkongsi pendapat,"katanya.

Habis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT